

Newspaper	Sinar Harian
Date	1/5/2013

Manifesto PR lebih dekat dengan orang muda

MANIFESTO yang dibentangkan Pakatan Rakyat (PR) lebih dekat dengan orang muda dan memberi harapan baru kepada rakyat.

Penganalisis politik, Dr Maszlee Malik berpendapat, manifesto berkenaan adalah realistik di mana ia memberikan apa yang rakyat perlukan dan bukannya apa yang dimahukan.

Katanya, manifesto PR menjurus kepada permasalahan orang muda berpendapatan rendah yang tinggal di bandar besar.

"Jika di luar negara, kita boleh tahu bagaimana satu-satu manifesto dibuat iaitu dengan cara *survey* dan macam-macam lagi. Di sini, mungkin manifesto PR itu dibuat oleh orang muda apabila mengaitkan pelbagai masalah orang muda seperti Perbadanan



Dr Maszlee turut membawa Manifesto PR ketika memberi hujah, semalam.

Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), harga kereta tinggi, susah mendapatkan rumah kerana harga tinggi dan pelbagai lagi masalah yang

begitu dekat dengan anak muda.

"Masalah itu turut diterjemahkan lagi dengan kadar tol mahal, harga minyak tinggi dan menyebabkan hutang

Sinar Harian - 1/5/2013

isi rumah meningkat sehingga menjadikan jurang pendapatan negara ini antara tertinggi di Asia Tenggara dan ketiga tertinggi di Asia," katanya.

Menurutnya, sungguhpun manifesto di Malaysia masih belum mencerminkan ideologi, tetapi ia menunjukkan satu kematangan dalam sistem politik negara.

"Barisan Nasional (BN) dan PR, kedua-duanya mempunyai manifesto yang begitu dekat dengan rakyat cuma BN lebih bersikap defensif berbanding PR yang ofensif (menyerang).

"Jika mahukan satu politik matang, perlulah ada perubahan. Manifesto BN mahu menunjukkan kekuasaan dan mahu kekal berkuasa. PR pula sebaliknya kerana sukar difahami tetapi jelas mahukan perubahan dan mem-

bawa harapan rakyat," katanya.

Menurutnya, manifesto BN juga banyak beri manfaat kepada rakyat khususnya berpendapat rendah dengan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan pelbagai lagi.

"Rakyat di luar bandar lebih mendapat manfaat ini, cuma adakah pemberian tersebut dapat selesaikan masalah mereka. Ini kerana pemberian itu bukan bersifat berterusan.

"Masyarakat perlu diupayakan kerana ia sebahagian sistem pendidikan. Demokrasi juga bukan sekadar ideologi semata-mata," katanya.

Menurutnya, walaupun manifesto dibuat belum capai tahap ideologi, tetapi berharap di masa depan ia boleh memperkasakan masyarakat.